

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

SOALAN NO. 325

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan statistik syarikat memiliki kuasa monopoli dalam bidang penyiaran, telekomunikasi dan penyedia jalur lebar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli yang Berhormat, pada masa ini, tidak ada pengendali perkhidmatan yang mempunyai kuasa monopoli. Namun, terdapat pengendali perkhidmatan yang mempunyai syer pasaran yang tinggi disebabkan tahap persaingan yang terhad bagi perkhidmatan berkaitan. Secara umumnya, tahap persaingan yang rendah adalah disebabkan kos pelaburan yang tinggi.
2. Sehingga suku pertama tahun 2019, terdapat sejumlah 218 syarikat memegang lesen individu Pemberi Kemudahan Rangkaian, 182 syarikat memegang lesen individu Pemberi Perkhidmatan Rangkaian dan 55 syarikat memegang lesen individu Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan yang membolehkannya menjalankan aktiviti-aktiviti dalam bidang penyiaran, telekomunikasi dan jalur lebar.